

Amanat ingatkan agar Melayu tidak 'hanyut'

BH 22 JUN 2001

PEMIMPIN dan perwakilan Umno menganggap ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai satu ingatan yang perlu diterima, supaya bangsa Melayu tidak hanyut dengan keselesaan yang dimiliki hari ini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata orang Melayu harus sedar dengan apa yang dimiliki selama ini kerana jika mereka alpa, ia boleh hilang sekelip mata.

"Selama ini kerajaan yang diterajui Umno telah menyediakan segala-galanya untuk orang Melayu. Tetapi dengan pelbagai fitnah yang muncul terhadap kepemimpinan Melayu sekarang, mungkin satu hari nanti kata-kata Hang Tuah bahawa 'Takkan Melayu Hilang di Dunia' hanya akan tinggal kata-kata sahaja," katanya.

Beliau berkata, seluruh bangsa Melayu perlu sedar tidak ada kerajaan lain di dunia ini yang menyediakan 'hak keistimewaan' untuk sesuatu bangsa seperti yang diberi oleh ke-



rajaan Malaysia.

Ahli MT, Datuk Shahril Abdul Samad, berkata orang Melayu perlu mengubah diri mereka sendiri jika ingin berjaya dan perlu membuang sikap yang sering menanti bantuan.

Katanya, di samping itu, orang Melayu perlu meningkatkan di antara satu sama lain mengenai kelemahan masing-masing supaya tidak dipinggir di negara sendiri.

Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri

ma kemuncak payung, patik yang ramai tempat berlindung". Pantun ini perlu dibuang dan digantikan dengan "Tidak bisik tangan ke batu, tak tahu sakit peritnya" iaitu tiada kebahagiaan yang diperoleh dari langit kecuali kita berusaha dengan titik peluh sendiri," katanya.

Seorang lagi Veteran Umno, Tan Sri Aishah Abdul Ghani, berkata Presiden parti mengingatkan ahli Umno untuk berusaha jika ingin berkuasa di

Seluruh bangsa Melayu perlu sedar tidak ada kerajaan lain di dunia ini yang menyediakan 'hak keistimewaan' untuk sesuatu bangsa seperti yang diberi oleh kerajaan Malaysia.

Rahim Thamby Chik, pula berkata ucapan Perdana Menteri adalah satu kenyataan yang berterus terang, lantang dan 'memerahkan telinga' sesiapa mendengarnya.

"Namun, apa yang disebut itu adalah pengakuan diri kita sendiri. Setiap bangsa Melayu mesti sedar kita masih ada kelemahan dan perpecahan yang berlaku sekarang hanya akan memburukkan lagi keadaan," katanya.

Ahli Exco Pergerakan Pemuda Umno, Subahan Kamal, pula menganggap parti pembangkang tidak semakin kuat sebagaimana yang didakwa, tetapi Umno yang semakin lemah disebabkan perbuatan ahlinya sendiri.

"Ahli Umno kini sama-

kin memikirkan agenda peribadi masing-masing apabila masuk Umno. Sukar untuk mencari mereka yang masuk parti untuk kepentingan bangsa Melayu. Inilah yang menjadi punca kepada kelemahan parti," katanya.

Bekas Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Mokhzani Mahathir, berkata peringatan Dr Mahathir itu adalah satu pencetus kesedaran kepada orang Melayu keseluruhannya.

Beliau berkata, panggilan itu ditujukan kepada semua orang Melayu tanpa mengira parti Umno atau pembangkang.

Timbalan Ketua Bahagian Umno Johor Bahru, Datuk Khalid Nordin, pula berkata orang Melayu ti-

dak harus taksud dengan ideologi yang cuba disembarkan pembangkang kerana adalah sukar untuk mengekalkan kelebihan yang dimiliki sekarang, sekiranya kerajaan asyik bertukar ganti.

"Orang Melayu patut sedar sebab kalau tukar kerajaan baru pun, mungkin ia tidak akan kekalkan apa yang kita miliki sekarang.

"Saya yakin, keseluruhan orang Melayu dapat menghayati apa yang diperkatakan Presiden tetapi masalahnya ramai yang taksud dengan fitnah yang dilemparkan terhadap kita," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa berkata orang Melayu di negara ini sentiasa dilindungi dan keadaan ini menyebabkan mereka lemah.

Katanya, orang Melayu perlu mengubah persepsi ini dan bekerja tanpa mengharap ehsan orang lain.

"Orang Melayu masih terpengaruh dengan pantun lama "Tuanku umpa-

negara sendiri.

Katanya, jika orang Melayu tidak berubah dan menggunakan peluang yang ada maka wujud masyarakat Melayu lemah termasuk menjadi penghuni di pusat serenti bukannya di universiti.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim merasakan ucapan Presiden Umno itu sebagai teguran ikhlas seorang pemimpin untuk mengingatkan ahli parti.

Katanya, Melayu perlu bekerja kuat untuk memastikan mereka tidak terpinggir di negara sendiri.

Ahli Kelab Umno Yogyakarta, Rizal Jami'an, berkata Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu terutama golongan muda untuk mengambil peluang yang ada supaya tidak ketinggalan.

Malah, katanya, Presiden Umno itu mengingatkan pelajar Melayu lelaki untuk bekerja kuat bagi mengekalkan keutuhan bangsa Melayu.